

25/06/2002

Indeks Komposit jatuh ke paras terendah tiga bulan

INDEKS Komposit (IK) Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) jatuh 2.3 peratus semalam kepada 726.5 mata berikutan sikap berhati-hati pasaran selepas pengumuman mengejut Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu meletak jawatannya dalam Umno dan Barisan Nasional, Sabtu lalu.

Pada penutup dagangan semalam, IK yang mengesan 100 saham terpilih, jatuh 16.85 mata ke paras terendahnya dalam tempoh tiga bulan.

Bagaimanapun, penganalisis pasaran berkata, dengan bersandarkan kepada asas ekonomi negara dan prospek pendapatan syarikat yang kekal mantap, nilai munasabah IK ialah pada 780 mata atau kira-kira 920 mata dalam keadaan senario terbaik.

Sehubungan itu, mereka melihat keadaan pasaran semasa sebagai peluang bagi pelabur untuk mengumpul saham.

Seorang penyelidik pasaran di sebuah firma broker saham asing, berkata, di samping faktor ketidaktentuan politik berikutan pengumuman Dr Mahathir itu, kejatuhan di BSKL semalam juga disebabkan aliran menurun berterusan dalam harga sepanjang dua bulan yang lalu.

"Selagi peserta pasaran tidak mendengar sendiri daripada Dr Mahathir bahawa beliau akan terus kekal sebagai Perdana Menteri, ketidaktentuan dalam pasaran saham tempatan akan berterusan untuk beberapa minggu lagi," katanya.

Penyelidik pasaran itu berkata, peserta pasaran melihat dengan berhati-hati perkembangan semasa itu dan akan membuat keputusan pelaburan sesudah mendengar pengumuman yang bakal dibuat Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selepas mesyuarat khas Majlis Tertinggi Umno petang ini.

Seorang penganalisis lain pula berkata, pasaran saham tempatan dijangka terus jatuh dalam tempoh terdekat sesudah diniagakan dalam jajaran sempit selepas mencecah paras tertinggi dalam tempoh 20 bulan April lalu.

Bagaimanapun, dengan bersandarkan keyakinan terhadap asas ekonomi negara dan prospek pendapatan syarikat yang kekal mantap, beliau mencadangkan nilai munasabah IK pada 780 mata atau 920 mata dalam keadaan senario terbaik.

"Pelabur patut mengambil perhatian bahawa bursa tempatan sudah terlebih jualan dan banyak saham adalah di bawah nilai, justeru, inilah peluang bagi pelabur mengumpul saham," katanya.

(END)